

## Kerangka Karakter Inovator Menurut Perspektif Islam

### *Innovator Characteristics Framework Based on the Islamic Perspective*

Wan Ali Akbar Wan Abdullah<sup>a\*</sup>, Khadijah Abdul Razak<sup>a</sup>, Mohd Isa Hamzah<sup>a</sup>, Nursafra Mohd Zhaffar<sup>b</sup>.

<sup>a</sup> *Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor*

<sup>b</sup> *Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau*

*\*Corresponding author: p99951@siswa.ukm.edu.my*

---

#### Article history

Received: 2020-04-07   Received in revised form: 2020-10-09   Accepted: 2020-10-11   Published online: 2021-02-28

#### Abstract

Islam emphasizes on the development of character based on the good moral (akhlak mahmudah). However, there is a list of character innovators outlined by scholars who view it as negative. The study was conducted on 12 negative characters of innovators and debated from Islamic perspective. The findings suggest that there are characters that can be adapted to Islamic morality (akhlak islam). On the contrary, there are characters that must be avoided because they do not conform to Islamic values.

*Keywords:* Character, Innovator, Islamic perspective.

#### Abstrak

Islam menekankan kepada pembentukan karakter berasaskan akhlak mahmudah. Namun, terdapat senarai karakter inovator yang digariskan oleh para sarjana yang dilihat negatif. Kajian ini dibuat terhadap 12 karakter negatif inovator dan dibahaskan dari pelbagai sudut ilmu Islam. Dapatan menunjukkan ada karater yang boleh disesuaikan dengan akhlak Islam. Sebaliknya ada karakter yang mesti dijauhi kerana tidak sesuai dengan nilai Islam.

*Keywords:* Karakter, Inovator, Perspektif Islam.

## 1.0 PENGENALAN

Karakter bermaksud sifat (ciri) perwatakan yang membezakan seseorang daripada yang lain (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016). Menurut Forgas dan Shulman (1979), istilah karakter selalu digunakan sebagai sinonim kepada personaliti, manakala personaliti mempunyai maksud yang hampir sama dengan stail, perangai, peranan, trait dan jenis.

Kajian mengenai karakter inovator dijalankan oleh ramai sarjana (Chua Yan Piaw, 2012; Mohammad, 2014; Mohd Azhar Abd Hamid, 2004). Contohnya, Thurlings, Evers dan Vermeulen (2015) mengkategorikan karakter inovator berdasarkan tiga faktor, iaitu; faktor demografi, faktor individu dan faktor organisasi. Kim (2017) pula membahagikan karakter inovator kepada empat S, iaitu; karakter matahari (sun), karakter ribut (storm), karakter tanah (soil) dan karakter angkasa lepas (space). Ada perbincangan yang memberi fokus kepada pemikiran inovator, seperti kajian Noor Hisham Md Nawawi (2014) dan Kim (2017). Ada perbincangan mengenai karakter yang dibezakan mengikut tahap dan kategori antara inovator dan orang lain, seperti kajian Kirton (2003) dan Rogers (1983). Menurut Amabile (1983), karakter seseorang individu itu menjadi faktor yang menentukan tahap kreativiti inovator itu.

Walau bagaimanapun, dalam banyak kajian mengenai karakter inovator, ada sebahagian karakter yang dilihat negatif dan bercanggah dengan Islam. Kertas ini akan membahaskan 12 karakter yang dilihat negatif, dari sudut Islam. 12 karakter itu boleh dikategorikan kepada empat tema besar, iaitu; 1) sikap peribadi, 2) introvert, 3) cara muamalat dengan orang lain, dan 4) berkaitan dengan peraturan. Perincian 12 karakter negatif inovator dalam empat kategori besar dapat difahami melalui Jadual 1

Jadual 1: Karakter negatif inovator dalam empat kategori besar


Sikap peribadi	Introvert	Muamalat dengan orang lain	Berkaitan dengan peraturan
<ul style="list-style-type: none"> <li>Suka main-main</li> <li>Kelihatan seperti tidak terurus</li> <li>Tidak praktikal</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Suka termenung dan tidak mempedulikan orang lain</li> <li>Suka mengasingkan diri dan tidak suka berkumpul dalam aktiviti tertentu</li> <li>Tidak sensitif dengan orang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dilihat kasar</li> <li>Sering mengancam perpaduan dan suka mewujudkan kekecohan</li> <li>Sering mengancam kerjasama</li> <li>Tidak mengambil pandangan konsensus</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dilihat seperti tidak berdisiplin dan suka mencabar undang-undang</li> <li>Kurang hormat adat</li> </ul>

## 2.0 ASAS PEMBINAAN AKHLAK ISLAM

Perbincangan mengenai karakter boleh dibina atas asas akhlak Islam. Menurut Al-Misri (2014), akhlak adalah watak dan karakter semula jadi manusia. Al-Jurjani berkata (Al-Misri, 2014):

Akhlak adalah satu frasa mengenai jiwa yang kukuh dan sumber semula jadi tanpa memerlukan fikiran. Jika yang terbit daripadanya satu perbuatan yang baik, maka akhlaknya adalah akhlak yang baik. Jika yang terbit daripada satu perbuatan yang buruk, maka akhlaknya adalah akhlak yang buruk. Namun, jika yang keluar daripadanya disebabkan nazar yang diniatkan, maka tidaklah disebut sebagai akhlak kerana yang keluar daripada dirinya bukanlah semula jadi.

Dapat difahami daripada kata-kata al-Jurjani dua perkara, iaitu; 1) hanya sesuatu yang dilakukan secara semula jadi adalah akhlak, sebaliknya sesuatu yang dilakukan dengan niat yang lain, bukanlah akhlak, dan 2) akhlak terbahagi kepada dua, iaitu; akhlak yang baik dan akhlak yang buruk. Menurut Al-Jauziyyah (2008), akhlak mahmudah (akhlak yang baik) berada di tengah-tengah antara dua akhlak mazmumah (akhlak yang tercela). Contohnya, sifat pemurah berada antara sifat suka membazir dan kedekut, manakala sifat tawadhuk berada antara sifat takabbur dan rendah diri. Oleh itu, akhlak individu Muslim tidak boleh kurang dan tidak boleh lebih, sebaliknya perlu sentiasa *wasatiyyah*, iaitu berada di antara dua akhlak mazmumah. Secara ringkasnya, konsep akhlak dalam Islam ini dapat difahami melalui Rajah 1.



Rajah 1 Konsep akhlak Islam

Menurut Al-Misri (2014), sistem akhlak dalam Islam bercirikan dua perkara, iaitu; karakter ketuhanan dan karakter manusiawi. Karakter ketuhanan adalah maksud sebenar akhlak iaitu karakter manusia itu mestilah mengikut kehendak Allah yang Menciptanya, selaras dengan wahyu yang diturunkan sebagai panduan, manakala karakter manusiawi pula mengandungi prinsip umum yang manusia tentukan sendiri karakter khusus yang perlu ada pada mereka berdasarkan peranan mereka di dunia. Kenyataan ini selaras dengan pandangan Nurul Hudani Md. Nawi dan Baharudin Othman (2016) yang menyatakan bahawa kunci kepada karakter dalam Islam adalah iman, Islam, takwa dan ihsan.

### 3.0 KARAKTER NEGATIF INOVATOR

Perbincangan mengenai karakter yang zahirnya dilihat bertentangan dengan Islam dapat difahami melalui perbincangan berikut:

- a) Suka main-main (Kim, 2017; Thurlings, Evers, & Vermeulen, 2015)

Secara umumnya, Islam tidak menggalakkan perbuatan suka main-main. Allah berfirman dalam surah al-Mukminun (23:115):

"Maka adakah patut kamu menyangka bahawa Kami hanya menciptakan kamu (dari tiada kepada ada) sahaja dengan tiada sebarang hikmat pada ciptaan itu? Dan kamu (menyangka pula) tidak akan dikembalikan kepada Kami?"

(Abdullah Basmeih, 2011)

Wahbah az-Zuhaili (2001) ketika menafsirkan ayat ini mengatakan bahawa umur manusia pendek, sedangkan tanggungjawab yang mereka pikul banyak. Oleh yang demikian, manusia tidak boleh main-main atau lalai. Mereka perlu bertindak sesuai dengan tujuan penciptaan mereka, iaitu sebagai *kebalifatullah* (al-Baqarah, 2:30; Sod, 38:26) dan *ibadatullah* (az-Zariyat, 51:56). Walau

bagaimanapun, ketika membahaskan mengenai kaedah untuk mengukur karakter ini, Kim (2017) mengaitkannya dengan karakter inovator sebagai seorang yang kelakar. Kelakar, bukanlah sesuatu yang dilarang dalam Islam. Hal ini dapat dilihat bagaimana Rasulullah sendiri pernah bergurau dengan para sahabat, seperti gurauan baginda dengan nenek tua, bahawa orang tua tidak boleh masuk syurga (Imam Tirmizi, 2012). Selain itu, Rasulullah pernah menyembur air ke muka sahabat baginda yang bernama Mahmud ketika beliau masih kecil (Al-Bukhari, 2001). Tambah Kim (2017), tujuan adanya karakter suka main-main dalam diri inovator adalah agar inovator berfikir tidak statik dan bersifat fleksibel. Oleh yang demikian, inovator dapat mencari idea yang kelihatan tidak logik dan tidak masuk akal untuk dipertimbangkan dalam sesuatu projek yang sedang diusahakan.

Kesimpulannya, karakter suka main-main tidaklah dilarang secara mutlak, sebaliknya dibolehkan dalam keadaan dan tujuan tertentu, terutamanya ketika mencari idea yang kelihatan tidak praktikal, namun boleh digunakan untuk menyelesaikan masalah dan isu yang sedang dihadapi. Justeru, usaha sebegitu termasuk dalam melaksanakan tugas sebagai *kebalifatullah* dan *ibadatullah*.

b) Kelihatan seperti tidak terurus (Isbell & Raines, 2012)

Kemas adalah sunnah Rasulullah. Hal ini dapat dilihat daripada hadis-hadis yang menggambarkan penampilan baginda. Contohnya Rasulullah adalah seorang yang menyikat rambutnya dengan rapi dan memakai pakaian yang berwarna merah, hijau, putih, pakaian yang dibuat daripada bulu berwarna hitam serta jubah Rom yang sempit kedua-dua lengannya (Imam Tirmizi, 2012). Oleh yang demikian, inovator perlu menjaga penampilan diri, terutamanya jika mereka ingin memasarkan produk hasil inovasi mereka. Inovator yang mempromosikan produk inovasi mereka dalam keadaan selekeh dan tidak terurus akan mengundang rasa kurang senang pembeli untuk mendekati mereka dan seterusnya meyakini keberkesanan hasil ciptaan inovasi mereka. Oleh yang demikian, inovator perlu kelihatan kemas apabila berdepan dengan orang agar inovasi yang ingin disebarluaskan lebih diyakini oleh *potential buyer*.

c) Tidak praktikal (Kirton, 1976)

Inovasi kadang-kadang terbit daripada proses sumbang saran. Dalam proses sumbang saran, idea yang diberikan kadang-kadang kelihatan tidak logik dan tidak praktikal. Idea yang tidak praktikal itu adalah pemikiran kotak baru (*new box thinking*) yang lahir daripada gabungan pemikiran dalam kotak (*inbox thinking*) dan pemikiran luar kotak (*outbox thinking*) (Kim, 2017). Dalam Islam, pemikiran kotak baru itu dikenali sebagai *takbayyul* (khayalan atau imajinasi). *Takbayyul* diperlukan untuk mengintegrasikan dua ilmu bagi menerbitkan satu ilmu yang baru (Ismail, 2016). Menurut Nurdiana Abdullah dan Johari Surif (2018), imajinasi sangat diperlukan ketika proses pemikiran kreatif dalam penghasilan sesuatu inovasi. Oleh yang demikian, sesuatu yang dilihat tidak praktikal, mungkin kerana ianya tidak difahami oleh yang mendengar, atau masih tidak praktikal kerana pemikiran tersebut mendahului zaman. Namun, tidak praktikal tidak semestinya tidak berfungsi.

Bagi inovator, mereka perlu mencari komuniti yang sesuai untuk menyalurkan idea gila-gila mereka yang kelihatan tidak praktikal pada kebanyakan orang. Dalam komuniti tersebut, mereka boleh berkongsi idea tersebut dan dikembangkan sehingga ia berkemungkinan menjadi praktikal apabila sampai masanya. Hal ini sama seperti idea manusia terbang oleh Ibn Firnas pada kurun ke-9, kemudian dikembangkan idea tersebut oleh da Vinci 600 tahun kemudian, dan direalisasikan oleh Wright bersaudara pada tahun 1908 (Jamsari et al., 2013).

Kesimpulannya, inovator perlu cuba memberi kefahaman terhadap orang sekitarnya tentang ideanya yang dilihat tidak praktikal. Namun, jika orang lain tetap tidak dapat memahaminya, maka dia boleh berkongsi idea yang tidak praktikal itu dalam komuniti inovator.

d) Suka termenung dan tidak mempedulikan orang lain (Hasan Langgulung, 1991)

Termenung dibenarkan dalam erti kata berfikir. Sebaliknya termenung tidak digalakkan dalam erti kata membuang masa. Islam menggalakkan umatnya untuk berfikir. Hal ini dapat dilihat melalui banyaknya firman Allah yang menggesa agar manusia berfikir. Penggunaan lafaz seperti *tafakkur*, dan lafaz yang seerti dengannya seperti *nadhbar*, *tabassur*, *tadabbur*, *tafaqquh*, *tazakkeur*, *i'tibar*, *taaqul* dan *tawassum* digunakan dengan kerap dalam al-Quran (Badi & Tajdin, 2004; Wan Abdullah & Mohd Zhaffar, 2018). Dalam hal ini, tidak mempedulikan orang lain, mungkin dengan maksud terlalu memberikan tumpuan dan fokus terhadap projek yang sedang dilakukan. Berbeza pula dengan termenung dengan maksud membuang masa. Ini adalah hal yang tidak baik. Allah beberapa kali bersumpah atas nama masa, seperti; demi waktu fajar (al-Fajr, 89:1), demi waktu dhuha (adh-Dhuha, 93:1), demi waktu Asar (al-Asr, 103:1) dan demi malam (al-Lail, 92:1) menunjukkan betapa Allah memandang tinggi terhadap masa (Az-Zuhaili, 2001). Bahkan Allah Taala menyatakan bahawa manusia berada dalam kerugian kecuali mereka yang beriman, beramal soleh, berpesan dengan kebenaran dan dengan kesabaran (al-Asr, 103:2-3).

Bagi inovator, menghasilkan inovasi termasuk dalam amalan soleh. Hal ini kerana berinovasi termasuk dalam urusan yang memberi manfaat kepada orang lain (Al-Bakri, 2014). Maka, bagi inovator, jika ada sikap suka termenung, mesti dihadkan pada termenung untuk berfikir dan memberikan fokus kepada penghasilan sesuatu projek inovasi yang boleh dimanfaatkan oleh manusia lain. Kesimpulannya, inovator boleh termenung dengan maksud bertafakkur, sebaliknya hendaklah mengelakkan diri daripada termenung yang membuang masa.

e) Suka mengasingkan diri dan tidak suka berkumpul dalam aktiviti tertentu (Hasan Langgulung, 1991)

Dalam Islam ada beberapa istilah merujuk kepada aktiviti mengasingkan diri, seperti *kehulwah* dan *uzlah* (Wizaratul Auqaf wa asy-Syu'un al-Islamiyyah, n.d.). Hukum asalnya harus dan boleh menjadi sunat jika pengasingan diri dibuat dengan niat ibadah (An-Nawawi, 1972). Walau bagaimanapun, hukum harus atau sunat itu boleh bertukar menjadi haram jika terdapat aktiviti yang wajib dihadiri seperti *walimatulurus* (Wizaratul Auqaf wa asy-Syu'un al-Islamiyyah, n.d.). Ada juga aktiviti berkumpul yang sunat dihadiri, bahkan menjadi fardhu kifayah bagi mewujudkan syiar Islam dalam masyarakat, seperti solat berjemaah (Wizaratul Auqaf wa asy-Syu'un al-Islamiyyah, n.d.). Oleh yang demikian, pengasingan diri dibenarkan dengan niat tertentu, namun ada had yang dibenarkan.

Bagi inovator, boleh mengasingkan diri bagi memberi tumpuan kepada projek yang sedang dihasilkan. Namun, aktiviti keagamaan seperti solat berjemaah di masjid atau surau dan jempunan majlis walimah mesti dihadiri. Selain itu, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan lain juga perlu dilibatkan diri. Projek inovasi yang dihasilkan adalah untuk kegunaan masyarakat. Maka inovator perlu berada dalam masyarakat dan tidak mengasingkan diri daripada masyarakat agar inovasi yang dihasilkan betul-betul memenuhi keperluan dan kehendak orang awam. Hal ini seperti konsep inovasi hidup, menjadikan masyarakat sebagai *co-creator* supaya inovasi yang dihasilkan sama seperti yang diperlukan mereka (Mathe, 2016). Hal ini tidak dapat dicapai melainkan dengan penglibatan inovator dalam masyarakat. Oleh yang demikian, inovator boleh mengasingkan diri untuk memberi fokus terhadap projek inovasi yang sedang dihasilkan, namun perlu meluangkan masa untuk aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan.

f) Tidak sensitif dengan orang (Kirton, 1976)

Islam menuntut penganut agamanya untuk sensitif dengan orang sekitar. Rasulullah pernah mengalami situasi, di mana baginda tidak sensitif dengan Abdullah Ibn Ummi Maktum yang

mendatanginya untuk bertanyakan sesuatu. Ketika itu Rasulullah sedang asyik berdakwah kepada pembesar musyrikin. Lantaran itu, Allah menegur baginda, agar meninggalkan orang yang tidak mahu mendengar dakwah baginda, dan memberikan perhatian terhadap Ibn Ummi Maktum yang datang untuk belajar (Az-Zuhaili, 2001). Teguran itu dirakamkan Allah dalam surah 'Abasa (80:1-11).

Bahkan sebenarnya inovator sepatutnya seorang yang sangat sensitif kepada orang. Memahami kesusahan, kehendak dan keperluan semasa. Apabila inovator sensitif terhadap perkara-perkara sebegini, maka dia mampu berfikir untuk menghasilkan inovasi dalam ruang lingkup menyelesaikan masalah dan kehendak orang lain. Kemahiran menganalisis dan mengenal peluang adalah antara kemahiran yang perlu ada pada inovator (Amabile, 1988; Thurlings et al., 2015).

Kesimpulannya, inovator perlu sensitif terhadap kesusahan, keperluan dan kehendak orang sekitar agar dapat dianalisis dan dijadikan peluang bagi menghasilkan inovasi yang bermanfaat.

g) Dilihat kasar (Kirton, 1976)

Perbuatan yang kasar, antonimnya lemah lembut. Allah telah menyebut tentang sifat lemah lembut Rasulullah ketika bermuamalat dengan para sahabat. Antaranya melalui firman-Nya (Ali Imran, 3:159):

Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka...

(Abdullah Basmeih, 2011)

Wahbah az-Zuhaili (2001) ketika menafsirkan ayat ini mengatakan bahawa Allah telah melembutkan hati Rasulullah, lalu menjadikannya mudah berinteraksi, santun tutur katanya dan penuh kelembutan. Hal ini kerana, jika baginda bersikap kasar, nescaya manusia akan menjauhinya dan menyebabkan dakwah baginda sukar diterima.

Bagi inovator, sikap kasar tidak baik dari sudut menjaga hubungan dengan orang lain. Orang lain adalah orang yang berpotensi sebagai pengguna. Pengguna akan menentukan sejauh mana sesuatu inovasi itu dapat dimanfaatkan. Jika inovator gagal menjaga hubungan dengan orang lain, maka ada kemungkinan inovasinya akan gagal dikembangkan. Inovasi yang gagal disebarluaskan dalam tempoh lima tahun akan pupus (Agélii Genlott, Grönlund, & Viberg, 2019). Oleh yang demikian, inovator perlu berlemah lembut, terutamanya dengan pengguna yang akan menggunakan hasil inovasinya.

h) Sering mengancam perpaduan dan suka mewujudkan kekecohan (Kirton, 1976)

Hal ini bercanggah dengan semangat persaudaraan dalam Islam, seperti yang dinyatakan oleh Allah dalam firman-Nya (Ali Imran, 3:103):

Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai...

(Abdullah Basmeih, 2011)

Menurut Wahbah az-Zuhaili (2001), Allah menggunakan perkataan tali sebagai analogi bagi agama Allah, merujuk kepada perjanjian dan kesepakatan terhadap al-Quran. Oleh yang demikian, umat Islam perlu bersatu dalam Jemaah Islam dan menjauhkan diri daripada sebarang bentuk perpecahan. Kekecohan adalah satu bentuk perpecahan. Ia perlu dihindari oleh semua orang, termasuk inovator.

Bagi inovator, Jemaah Islam boleh difahami sebagai organisasi. Seperti Model Inovasi Organisasi yang diperkenalkan oleh Amabile (1988), inovator tidak mungkin mampu menghasilkan inovasi secara bersendirian, melainkan pasti mengharapkan bantuan kepakaran orang lain dalam memastikan sesuatu inovasi itu berada pada tahap yang paling sempurna. Kekecohan hanya akan mengeruhkan keadaan. Projek inovasi mungkin akan menemui jalan buntu. Oleh itu, inovator perlu mengawal sikap kecoh itu agar ia tidak sampai mengeruhkan hubungan persaudaraan mahu pun hubungan dengan rakan sekerja. Sebaliknya, inovator perlu mempererat lagi hubungan persaudaraan sesama rakan sekerja agar dapat bekerjasama dalam usaha memberi manfaat melalui penghasilan inovasi.

i) Sering mengancam kerjasama (Kirton, 1976)

Inovator tidak mungkin mampu berinovasi bersendirian tanpa mengharapkan bantuan daripada orang sekitar. Sekurang-kurangnya inovasi, pasti perlukan bantuan daripada pelbagai sudut. Contohnya, untuk menghasilkan inovasi, perlukan kepelbagaian ilmu (Amabile, 1988; Ford, 1996; Mohd Zaidi Ismail, 2014; Thurlings et al., 2015). Namun, mustahil seorang individu mampu menguasai pelbagai jenis ilmu (Ibn Khaldun, 2001). Hal ini menuntut inovator untuk bekerjasama dengan mana-mana individu, sesuai dengan jenis inovasi yang ingin dihasilkan. Oleh itu, mereka perlu bekerjasama, sama ada suka ataupun tidak. Dalam Islam, kerjasama untuk kebaikan adalah sesuatu yang digalakkan. Allah berfirman (al-Maidah, 5:2):

Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.

(Abdullah Basmeih, 2011)

j) Dilihat seperti tidak berdisiplin (Kirton, 1976) dan suka mencabar undang-undang (Dawson & Andriopoulos, 2017; Hasan Langgulung, 1991; Kirton, 1976)

Isu tidak berdisiplin dan suka mencabar undang-undang tidak sepatutnya terbit daripada keperibadian seseorang individu muslim. Hal ini kerana Allah telah memerintahkan orang-orang beriman agar mentaati Allah, rasul dan *ulilamri* (an-Nisa', 4:59). Menurut Wahbah az-Zuhaili (2001), ayat ini menunjukkan kewajipan mentaati Allah dan rasul serta *ulilamri* dari kalangan pemimpin dan ulama. Muslim (n.d.) juga meletakkan ayat 59 surah an-Nisa pada permulaan bab wajib mentaati pemimpin selagi tidak menjurus kepada maksiat, manakala hukumnya haram mentaati mereka dalam hal maksiat. Hal ini selaras dengan hadis yang diriwayatkan oleh Ali bahawa Rasulullah bersabda:

Tidak ada ketaatan pada perkara maksiat kepada Allah. Sesungguhnya ketaatan adalah pada perkara makruf.

(Abu Daud, 2009; Al-Bukhari, 2001; An-Nasaie, 1986; Muslim, n.d.)

Bagi inovator, tidak sepatutnya timbul hal-hal negatif seperti tidak berdisiplin. Hal ini kerana apa-apa yang telah ditetapkan oleh Allah dan rasul, yang jelas dan bersifat *qat'i* (mutlak), wajib ditaati tanpa persoalan. Hal seperti tatacara ibadah khusus dan hukum-hakam agama tidak terbuka kepada penciptaan inovasi baru (Othman, 2012). Sebaliknya, arahan ketua yang tidak bercanggah

dengan syarak, boleh dipersoalkan selagimana keputusan belum diambil. Namun, apabila keputusan telah ditetapkan, maka ia sepatutnya ditaati. Walau bagaimanapun, sesuatu arahan yang tidak jelas dan terbuka kepada ijtihad, maka inovator bebas berijtihad mengikut akal yang cerdas. Hal ini termasuk dalam perkara yang dibenarkan. Situasi seperti ini pernah terjadi dalam sirah Rasulullah. Contohnya, Rasulullah memberikan arahan agar solat Asar dikerjakan di perkampungan Bani Quraizah. Ibn Umar berkata bahawa Rasulullah bersabda pada hari Ahzab:

Jangan seseorang pun yang solat Asar kecuali di Bani Quraizah.

(Al-Bukhari, 2001)

Arahannya jelas. Namun, para sahabat memahami arahan itu dengan dua keadaan, iaitu; 1) segera dan percepatkan perjalanan sehingga sampai di kampung Bani Quraizah agar dapat solat Asar di awal waktu di sana, dan 2) boleh dilewatkan solat Asar pada hari tersebut, namun solat itu mestilah dikerjakan di kampung Bani Quraizah (Ibn Hajar al-Asqalani, 1960). Apabila dikhabarkan kepada Rasulullah akan hal tersebut, baginda tidak mengingkari mana-mana pandangan sekalipun. Oleh itu, ruang yang boleh diinovasikan, perlu diperhatikan oleh inovator agar dapat dihasilkan sesuatu pada kelonggaran tersebut. Situasi seperti ini tidak termasuk dalam maksud tidak berdisiplin, sebaliknya termasuk dalam hal keluasaan, keluwesan dan keterbukaan.

Kesimpulannya, inovator bebas memberikan pandangan selagimana keputusan belum dibuat. Jika keputusan telah dibuat, inovator perlu berpegang dengan keputusan tersebut, berazam dan bertawakkal dengannya, sama ada dia setuju atau pun tidak.

k) Tidak mengambil kira pandangan konsensus (Kirton, 1976)

Islam mengajar umatnya untuk bermesyuarat. Ketika mesyuarat diadakan, pasti ada pandangan yang kontradik. Ada yang menyokong dan ada yang membantah. Tugas pengerusi adalah mengharmonikan semua pandangan. Pada akhirnya, keputusan akan dibuat oleh pengerusi. Keputusan tersebut dikira sebagai konsensus. Secara adabnya, keputusan yang terbit daripada sesuatu hasil mesyuarat perlu disepakati oleh semua ahli mesyuarat, sama ada dipersetujui secara peribadi atau pun tidak. Pandangan yang terbit daripada hasil mesyuarat adalah keputusan bersama dan lebih mendekati kebenaran berbanding pandangan peribadi. Apabila kata sepakat dipersetujui, maka ahli mesyuarat mesti beriltizam dan bertawakkal kepada Allah (Ali Imran, 3:159). Apabila tawakkal diletakkan sepenuhnya kepada Allah, maka bantuan Allah akan tiba (Az-Zuhaili, 2001).

Kehebatan Rasulullah dalam berpegang kepada keputusan mesyuarat dan bertawakkal dengannya pernah terjadi dan patut dicontohi. Contohnya ketika bermesyuarat mengenai lokasi Perang Uhud. Rasulullah cenderung agar umat Islam bertahan di Madinah. Namun para sahabat yang tidak mengikuti Perang Badar bersungguh-sungguh meminta agar perang tersebut diadakan di luar Madinah. Melihat kesungguhan para sahabat itu, Rasulullah sebagai panglima dan ketua negara memutuskan agar perang tersebut diadakan di Uhud. Selepas Asar, baginda segera memakai pakaian perangnya. Para sahabat yang melihat keadaan itu menyesal, lalu meminta agar Rasulullah mengubah kembali keputusan mesyuarat tersebut. Namun, Rasulullah bersabda:

Sesungguhnya tidak mungkin bagi nabi apabila memakai baju perangnya, membukanya kembali sehingga dia berperang.

(Ahmad bin Hanbal, 2001)

Dalam fikah, pandangan peribadi disebut sebagai *ijtihad fardi*, manakala pandangan sekumpulan ulama dikenali sebagai *ijtihad jamai* (Laldin, 2012). Bagi inovator, pandangannya yang dirasakan benar, perlu disampaikan dengan sebaik mungkin agar dapat difahami oleh ahli



mesyuarat. Jika kesimpulan akhir daripada perbincangan tidak menyebelahi pandangan peribadi inovator, maka secara adabnya inovator tersebut perlu berlapang dada dan menerima keputusan tersebut, berazam dan bertawakkal kepada Allah. Jika ada tindakan tertentu yang dipertanggungjawabkan kepadanya, maka dia perlu bertindak mengikut arahan tersebut dan tidak memboikot atau melaksanakan arahan tersebut dengan sambil lewa. Peraturan yang jelas dan tidak bercanggah dengan syarak mesti dipatuhi dan tidak boleh dilanggar.

- l) Kurang hormat adat (Dawson & Andriopoulos, 2017; Hasan Langgulung, 1991; Kirton, 1976)

Islam mengiktiraf adat sebagai sesuatu yang boleh dijadikan hujah selagi mana tidak menyalahi syarak. Adat adalah apa-apa yang diketahui oleh manusia tanpa dihalalkan apa-apa yang haram dan diharamkan apa-apa yang halal (Wizaratul Auqaf wa asy-Syu'un al-Islamiyyah, n.d.). Kaedah fikah menyebut, "Adat kebiasaan boleh ditetapkan sebagai sumber hukum." Kaedah ini selari dengan pandangan Ibn Masud, katanya:

Apa-apa yang dilihat baik oleh orang Islam, maka ia baik disisi Allah, sebaliknya apa-apa yang dilihat buruk, maka disisi Allah ia buruk.

(Ahmad bin Hanbal, 2001; Al-Hakim, 1990)

Oleh yang demikian, inovator sepatutnya menghormati adat, sekiranya ia tidak bercanggah dengan syarak. Walau bagaimanapun, jika didapati ada sesuatu kekurangan pada adat tersebut dan ada ruang untuk ditambahbaik, inovator boleh mencadangkan apa-apa jua pandangannya. Namun, adat yang ingin diubahsuai itu mestilah sesuatu yang telah diperbincangkan. Dalam hal ini, para sahabat telah menunjukkan bahawa mereka mengubah beberapa adat amalan sedia ada ketika itu. Contohnya, Umar al-Khattab telah mencadangkan kepada Rasulullah agar mewajibkan Ummul Mukminin mengenakan hijab, lalu turun ayat hijab menyetujui pandangan tersebut (Al-Bukhari, 2001). Cadangan Umar itu dipersetujui oleh Allah, menyebabkan para Ummul Mukminin wajib berhijab selepas turunnya ayat hijab.

Kesimpulannya, inovator perlu menghormati adat yang tidak menyalahi syarak dan menolak adat yang bercanggah dengan syarak. Namun, mengubahsuai adat agar dapat diselarikan dengan syarak adalah lebih baik.

## 4.0 KESIMPULAN

12 karakter yang dibincangkan ini, ada yang perlu dihindari secara mutlak dan ada yang boleh ada dalam diri inovator Muslim, namun perlu disesuaikan supaya berada dalam kerangka Syariah. Ada lima karakter yang mesti dihindari oleh inovator Muslim, iaitu; 1) kelihatan tidak terurus, 2) tidak sensitif dengan orang, 3) dilihat kasar, dan 4) sering mengancam perpaduan dan suka mewujudkan kekecohan, dan 5) sering mengancam kerjasama. Manakala, tujuh karakter yang lain, bergantung kepada cara inovator menyeimbangkan karakter tersebut agar selari dengan konsep akhlak dalam Islam. Tujuh karakter itu ialah; 1) suka main-main, 2) tidak praktikal, 3) suka termenung dan tidak mempedulikan orang lain, 4) suka mengasingkan diri dan tidak suka berkumpul dalam aktiviti tertentu, 5) tidak mengambil pandangan konsensus, 6) dilihat seperti tidak berdisiplin dan suka mencabar undang-undang, dan 7) kurang hormat adat.

## Rujukan

Al-Quran al-Karim.

Abdullah Basmeih. (2011). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman*. Kuala Lumpur: Darul Fikr.

- Abdullah, N., & Surif, J. (2018). Imaginasi Dalam Pembelajaran Abad Ke-21: Suatu Perspektif Baru. *Attarbaniy: Malaysian Online Journal of Education*, 2(2), 15–20.
- Abu Daud, S. al-‘Asy’as. (2009). *Sunan Abi Daud*. Damsyik: Dar ar-Risalah al-‘Alamiyyah.
- Agélii Genlott, A., Grönlund, Å., & Viberg, O. (2019). Disseminating Digital Innovation in School – Leading Second-order Educational Change. *Education and Information Technologies*, 24, 3021–3039. <https://doi.org/10.1007/s10639-019-09908-0>
- Ahmad bin Hanbal, A. A. A. bin M. bin H. asy-S. (2001). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Muassasah ar-Risalah.
- Al-Bakri, Z. M. (2014). *Permata buat Orang yang Beriman*. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi.
- Al-Bukhari, M. bin I. (2001). *Sabih al-Bukhari*. Dar Tuqun Najah.
- Al-Hakim, A. A. al-H. M. bin A. (1990). *Al-Mustadrak a’las Sobibain*. Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Jauziyyah, I. Q. (2008). *Madarij as-Salikin*. (Arifin Ladari, Ed.). Puchong: Berlian Publications Sdn. Bhd.
- Al-Misri, M. (2014). *Akhlak Rasulullah*. (Zainun Abd Muis, Ed.). Kajang: Aras Mega (M) Sdn. Bhd.
- Amabile, T. (1988). A Model of Creativity and Innovation in Organizations. *Research in Organizational Behavior*, 10, 123–167.
- An-Nasaie, A. A. R. A. S. (1986). *Sunan an-Nasa’ie*. Maktab al-Matbu’at al-Islamiyyah.
- An-Nawawi, A. Z. M. (1972). *al-Minhaj Syarh Sabih Muslim*. Beirut: Daru Ihya’ at-Turath al-Islami.
- Az-Zuhaili, W. (2001). *at-Tafsir al-Wasit*. Damsyik: Darul Fikr.
- Badi, J., & Tajdin, M. (2004). *Creative Thinking: An Islamic Perspective*. Gombak: IIUM Publisher.
- Dawson, P., & Andriopoulos, C. (2017). *Managing Change, Creativity & Innovation* (3rd Editio). Singapore: SAGE Publications.
- Ford, C. M. (1996). A Theory of Individual Creative Action in Multiple Social Domains. *Academy of Management Review*, 21(4), 1112–1142.
- Hasan Langgulung. (1991). *Kreativitas dalam Pendidikan Islam*. Jakarta: Pustaka al-Husna.
- Ibn Hajar al-Asqalani, A. bin A. (1960). *Fathul Bari Syarh Sabih al-Bukhari*. Beirut: Darul Makrifah.
- Ibn Khaldun, A. M. (2001). *Mukaddimah Ibn Khaldun*. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi.
- Imam Tirmizi. (2012). *Syamil Muhammadiyah*. Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Isbell, R., & Raines, S. C. (2012). *Creativity and the Arts with Young Children*. Singapore: Wadsworth Cengage Learning.
- Ismail, M. Z. (2014). *Islam & Higber-Order Thinking: An Overview*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Ismail, M. Z. (2016). *Aqal dalam Islam: Satu Tinjauan Epistemologi*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Jamsari, E. A., Mohd Nawawi, M. A., Sulaiman, A., Sidik, R., Zaidi, Z., & Abul Hassan Ashari, M. Z. (2013). Ibn Firnas and His Contribution to the Aviation Technology of the World. *Advances in Natural and Applied Sciences*, 7(1), 74–78.
- Kim, K. H. (2017). The Torrance Tests of Creative Thinking - Figural or Verbal : Which One Should We Use ? *Creativity, Theories – Research - Applications*, 4(2), 302–321. <https://doi.org/10.1515/ctra-2017-0015>
- Kirton, M. (1976). Adaptors and Innovators: A Description and Measure. *Journal of Applied Psychology*, 61(5), 622–629. <https://doi.org/10.1037/0021-9010.61.5.622>
- Laldin, M. A. (2012). Penghasilan Fatwa Berkualiti dan Berwibawa, Permasalahan, Cadangan Penyelesaian dan Penambahbaikan. *Garis Panduan Dan Piawaian Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan*. INFAD & JAKIM.
- Mathe, H. (2016). *Living Innovation: Competing in the 21st Century Access Economy*. Singapore: World Scientific Publishing Co. Pte. Ltd.

- Md. Nawati, N. H., & Othman, B. (2016). Personaliti: Konsep, Kunci Dan Sumber Menurut Perspektif Islam. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 3(3), 15–24. <https://doi.org/10.11113/umran2016.3n3.81>
- Muslim, I. al-H. A. H. (n.d.). *Sabih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' at-Turath al-'Arabiy.
- Othman, M. Y. (2012). *Gagasan 1Malaysia: Kreativiti & inovasi dalam Pembinaan Peradaban*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Thurlings, M., Evers, A. T., & Vermeulen, M. (2015). Toward a Model of Explaining Teachers' Innovative Behavior: A Literature Review. *Review of Educational Research*, 85(3), 430–471. <https://doi.org/10.3102/0034654314557949>
- Wan Abdullah, W. A. A., & Mohd Zhaffar, N. (2018). Penggunaan Istilah Berfikir Berdasarkan Kandungan Al-Quran the Use of Thinking Terminology Based on Al-Quran. *Journal Of Quran Sunnah Education And Special Needs*, 2(2), 77-90
- Wizaratul Auqaf wa asy-Syu'un al-Islamiyyah. (n.d.). *al-Mausuah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*. Kuwait: Wizaratul Auqaf wasy Syu'un al-Islamiyyah.